



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***TAHALUF SIYASI PARTI ISLAM SE-MALAYSIA DALAM POLITIK  
MALAYSIA DARI TAHUN 1973-2015***

**NUR AYUNI BINTI MOHD ISA**

**FEM 2019 28**



**TAHALUF SIYASI PARTI ISLAM SE-MALAYSIA DALAM POLITIK  
MALAYSIA DARI TAHUN 1973-2015**

Oleh

**NUR AYUNI BINTI MOHD ISA**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**Mei 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**TAHALUF SIYASI PARTI ISLAM SE-MALAYSIA DALAM POLITIK  
MALAYSIA DARI TAHUN 1973-2015**

Oleh

**NUR AYUNI BINTI MOHD ISA**

**Mei 2019**

Pengerusi : Zaid Ahmad, PhD  
Fakulti : Ekologi Manusia

Tesis ini mengkaji *Tahaluf Siyasi* Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terhadap kerjasama politik di Malaysia. Hujah utama tesis ini adalah; Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang mengamalkan sistem pelbagai parti yang mana tiada satu parti pun mampu untuk membentuk kerajaan pemerintah secara bersendirian. Oleh itu, parti-parti politik memerlukan kerjasama politik untuk membentuk kerajaan pemerintah. Penyertaan PAS dalam menjalin kerjasama politik juga tidak terkecuali dengan memperkenalkan konsep *Tahaluf Siyasi*. PAS telah menjalinkan kerjasama politik dengan pelbagai parti yang berbeza dasar dan latar belakang sebanyak lima (5) kali bermula dengan Barisan Nasional (BN), Harakah Keadilan Rakyat (HAK) Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA), dan Pakatan Rakyat (PR) dari tahun 1973 hingga 2015.

Oleh itu, terdapat empat persoalan kajian iaitu; i) apakah elemen yang terdapat dalam *Tahaluf Siyasi* PAS, ii) apakah sejarah kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik yang lain? iii) apakah pengaruh pembentukan kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik lain? iv) apakah pengaruh pembubaran kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik lain? Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah analisis kandungan dan analisis perbandingan digunakan hasil daripada data temu bual mendalam dengan pemimpin utama PAS, *United Malays National Organisation* (UMNO), Parti Keadilan Rakyat (PKR), dan *Democratic Action Party* (DAP) dan teks-teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan dari tahun 1973 hingga 2015. Kajian ini telah mengaplikasikan teori tingkah laku parti politik yang mana sesebuah parti politik akan bertindak berasaskan, kepentingan dasar partinya, jawatan dan kuasa serta juga perkara yang boleh meningkatkan jumlah undi dalam menjelaskan proses, pengaruh terhadap tindakan pembentukan dan pembubaran kerjasama politik PAS. Teori Sosiologi juga diaplikasikan dengan memberi fokus kepada agama, etnik, perubahan masyarakat massa yang mempunyai kaitan rapat dengan tindakan politik pemimpin dalam sesebuah parti.

Dapatan kajian ini menunjukkan *Tahaluf Siyasi* PAS secara umumnya membawa maksud diplomasi politik, kompromi politik, kerjasama politik, koalisi politik, pakatan politik dan integrasi politik. *Tahaluf Siyasi* merupakan panduan yang terdiri daripada syarat-syarat dan prinsipnya untuk PAS mengadakan kerjasama dengan parti politik lain. Proses kerjasama politik PAS mempunyai empat peringkat iaitu; i) mengadakan rundingan di dalam parti, ii) mengadakan rundingan dengan parti lain yang ingin membentuk kerjasama, iii) membuat dua pertimbangan utama iaitu pertimbangan dasar (hukum) dan juga pertimbangan politik, iv) membuat keputusan dan tindakan, sama ada PAS bersetuju untuk membentuk kerjasama, mengekal kerjasama sedia ada, dan jika PAS tidak bersetuju, maka PAS akan kekal bersendirian atau pun meninggalkan kerjasama sedia ada. Dapatan mengenai pengaruh terhadap kerjasama politik pula menunjukkan bahawa PAS membuat pertimbangan rasional berdasarkan enam pengaruh; i) membentuk kerjasama politik bagi mencapai matlamat dasar partinya (*Policy Seeking*), ii) mendapatkan kuasa dan jawatan (*Office Seeking*), iii) mendapatkan undi dan kemenangan dalam pilihan raya (*Voting Seeking*), iv) pengaruh sosiologi iaitu perubahan masyarakat massa, v) pengaruh kepimpinan parti, vi) berdasarkan titik persamaan dari segi matlamat yang sama dengan parti-parti politik lain.

Kajian ini juga mendapati pembubaran kerjasama politik PAS disebabkan oleh tiga pengaruh iaitu; i) konflik berkaitan dasar partinya (*Policy Seeking*), ii) konflik perebutan kuasa dan jawatan (*Office Seeking*) dan iii) konflik pembahagian kerusi dalam pilihan raya (*Voting Seeking*). PAS dilihat lebih sesuai bersendirian dan telah dibuktikan apabila dasar partinya ingin menubuhkan negara Islam dan melaksanakan nilai dan hukum Islam mengikut acuan kefahaman PAS, maka tidak boleh membawa PAS untuk membentuk kerjasama politik dalam tempoh yang lama kerana dasar tersebut nyata berbeza dengan parti-parti lain. Politik PAS hanya mampu berkuasa di Kelantan dan Terengganu serta kawasan atau negeri yang majoritinya Melayu Islam. Apa yang jelas dengan penemuan ini, tesis ini menyumbang kepada khazanah ilmu politik, iaitu dengan menjelaskan pengaruh dan pertimbangan yang dibuat oleh sesebuah parti politik dalam tindakan pembentukan dan pembubaran kerjasama politik.

Abstract of the thesis presented to the Senate of the Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**TAHALUF SIYASI OF THE MALAYSIAN ISLAMIC PARTY IN MALAYSIA  
POLITIC FROM 1973-2015**

By

**NUR AYUNI BINTI MOHD ISA**

**May 2019**

**Chairman : Zaid Ahmad, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

This thesis examines the *Tahaluf Siyasi* of the Islamic Party of Malaysia (PAS) on its political cooperation in Malaysia. The main argument of this thesis is; Malaysia is a democratic country that adopts a multi-party system in which neither party is able to form an independent government. Thus, political parties need political cooperation to form a government. This includes PAS's participation in political cooperation using the *Tahaluf Siyasi* concept. PAS has forged five (5) political affiliations with various political parties and backgrounds starting with the Barisan Nasional (BN), Harakah Keadilan Rakyat (AP), People's Unity (APU), Alternative Front (BA), and Pakatan Rakyat (PR) from 1973 to 2015.

Therefore, four research questions are examined ; i) What are the elements of the PAS's *Tahaluf Siyasi*, ii) What is the history of PAS political cooperation with other political parties? iii) What is the influence of PAS's political cooperation with other political parties? and iv) What is the influence of PAS's dissolution of political cooperation with other political parties? This study was conducted using the qualitative research method. A content analysis and a comparative analysis were conducted on the in-depth interviews with PAS leading leaders, the United Malays National Organization (UMNO), the People's Justice Party (PKR), and the Democratic Action Party (DAP). Both analyses were also conducted on the speech texts of PAS Presidential Keynote in the annual *Muktamar* from 1973 to 2015. This study applied the theory of political party behavior in which a political party will act on the basis of its party's policy, position and authority as well as the factors that can increase the number of votes. This theory explained the process, the influence on the formation and dissolution of PAS political cooperation. The Sociological theory is also applied by focusing on religious, ethnic, and social change that is closely linked to the political actions of leaders within a party.

The findings of this study show that PAS's *Tahaluf Siyasi* generally means political diplomacy, political compromise, political cooperation, political coalition, political alliance and political integration. *Tahaluf Siyasi* is a guide based on PAS's terms and principles in its cooperation with other political parties. There are four stages in PAS's political cooperation process; i) holding negotiations within the party, ii) negotiating with other parties seeking to form a coalition, iii) formulating two key considerations namely policy (legal) and political considerations, iv) decision-making and taking action, whether PAS agrees to form cooperation by maintaining the existing cooperation, and if PAS does not agree, PAS will remain unaided or abandon the existing cooperation. Findings on the impact of political cooperation indicate that PAS has made six rational judgments based on six influences; i) forming a political coalition to achieve the policy objectives of the party (Policy Seeking), (ii) gaining power and office (Office Gaining), (iii) gaining votes and win elections (Vote Seeking), (iv) the sociological influence of mass change, v) influence of party leadership, vi) based on the same goals' viewpoint shared with other political parties.

The study also found that the dissolution of PAS political cooperation was due to three influences; i) conflict over the policy in the party, ii) conflict to get the power and position (Office Seeking) and (iii) conflict of seat-sharing in the election (Voting Seeking). PAS unequivocally more independent and has proven its ability to remain steadfastly with the party's policy in seeking to establish an Islamic state by enforcing Islamic values and laws in accordance with PAS's understanding. Therefore, PAS is incapable to form a long term political coalition as the policies are clearly different from those of other parties. PAS politics can only take power in Kelantan and Terengganu as well as areas or states that are predominantly Malay Muslims. The study's finding undoubtedly contributes to the richness of political science knowledge by examining the influence and considerations made by a political party in the act of forming and dissolving political cooperation.

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim*

Alhamdulilah, syukur kepada Allah SWT kerana limpahan rahmatnya, maka kajian ini berjaya disempurnakan. Jutaan terima kasih dan penghargaan diberikan kepada setiap individu dan institusi yang membantu penyelidik dalam menyiapkan kajian ini. Mereka ialah Prof. Dr. Zaid Ahmad, Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib, Prof. Dr. Jayum Jawan dan Dr. Fatahyah Yahya yang banyak memberi tunjuk ajar dan bantuan, memberi kebebasan menulis dan menyelidik, menegur dan mendidik dengan penuh hikmah.

Terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (Skim MyPhD) dan Tenaga Akademik Muda (TAM) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membiayai kos pengajian penyelidik. Penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Dekan Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Prof. Dr. Ahmad Hariza Hashim dan juga Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Prof. Madya Dr. Adlina Dato Halim yang memberi peluang bagi perlanjutan tempoh biasiswa penyelidik. Terima kasih juga kepada informan kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual dan memberikan kerjasama yang baik semasa di temu bual. Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Sarjit Singh, Dr. Roslan Rosnon, Dr. Sabri, Dr.Izani yang membantu dan memberi tunjuk ajar semasa kajian ini dijalankan.

Setunggi-tinggi ucapan terima kasih buat suami tercinta, Mohd Faizul Azmi dan anak-anak yang disayangi Alyssa Sophia dan Muhammad Avicenna yang bersabar dan berkongsi masa dengan tesis ini sepanjang kembara ilmiah. Alhamdulilah dapat menyiapkan kajian ini walaupun dengan pelbagai ujian yang dilalui.Terima kasih untuk mak Kamarunisah Abd. Kadir, seluruh ahli keluarga dan keluarga mentua yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta mendoakan kejayaan penyelidik.

Terima kasih kepada Dr. Raihan, Maryam, Ustaz Fauwaz Fadzil Noor, Abang Opie, dan Tuan Zulkhairi, kerana sudi membantu untuk penambahbaikan tesis ini. Terima kasih buat sahabat-sahabat seperjuangan (Fang, Dayang, Dr. Khadijah, Kak Azie, Kak Asmidar, Anis, Amir, Aleya, dan Choo.

Terima kasih tidak terhingga.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Zaid Ahmad, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Jayum Anak Jawan, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Fatahyah Yahya, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nur Ayuni Binti Mohd Isa (GS 37397)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI ISTILAH</b>	xiv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Istilah	12
1.9 Organisasi Kajian	13
<b>2 ANALISIS KONSEPTUAL DAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian Emperikal Kerjasama Politik	15
2.2.1 Latar Belakang Politik Di Malaysia	17
2.2.2 Kajian Kerjasama Politik Di Malaysia	18
2.2.3 Kajian Kerjasama Politik PAS	20
2.3 Teori Tingkahlaku Parti Politik	22
2.3.1 Parti yang Mengutamakan Undi dalam Tindakan ( <i>Vote Seeking Party</i> )	23
2.3.2 Parti yang Mengutamakan Jawatan dalam Tindakan ( <i>Office Seeking Party</i> )	24
2.3.3 Parti Mengutamakan Dasar Ketika Membuat Sesuatu Tindakan ( <i>Policy Seeking Party</i> )	24
2.4 Teori Sosiologi	27
2.5 Kerangka Konsep	28
2.6 Rumusan	28
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	29
3.2 Rekabentuk Kajian Kualitatif	29
3.2.1 Justifikasi Penyelidikan Kajian Kes Kualitatif	30
3.2.2 Prosedur Pemilihan Informan	31
3.2.3 Kriteria Pemilihan Informan	31

3.2.4	Butiran Informan	31
3.2.5	Informan Kajian	34
3.3	Teknik Pengumpulan	35
3.3.1	Pengumpulan data daripada dokumen teks ucapan pemimpin utama PAS dalam Muktamar	35
3.3.2	Temubual Mendalam	36
3.4	Proses Analisis Data	37
3.4.1	Penyaringan dan Pengekodan Data	37
3.4.2	Analisis Kandungan	37
3.4.3	Analisis Perbandingan	38
3.4.4	Pengurusan Analisis Data Kualitatif Secara Manual	38
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	38
3.5.1	Triangulasi	39
3.5.2	Penilaian Pakar	39
3.6	Rumusan	40
<b>4</b>	<b>PRINSIP TAHALUF SIYASI DAN KERJASAMA POLITIK PAS</b>	<b>41</b>
4.1	Pengenalan	41
4.2	Latar Belakang <i>Tahaluf Siyasi PAS?</i>	41
4.3	Panduan mengadakan <i>Tahaluf Siyasi</i> dengan Parti Politik Lain	43
4.4	Proses <i>Tahaluf Siyasi PAS</i> (Perbincangan, Perbahasan, Pertimbangan dalam Parti (Syura))	45
4.5	Rumusan	49
<b>5</b>	<b>APAKAH SEJARAH KERJASAMA POLITIK PAS DENGAN PARTI-PARTI POLITIK YANG LAIN?</b>	<b>51</b>
5.1	Pengenalan	51
5.2	Sejarah Kerjasama Politik PAS dalam Kerajaan Campuran Perikatan/Barisan Nasional (BN)	51
5.3	Sejarah Kerjasama Politik PAS dengan Harakah Keadilan Rakyat (HAK)	54
5.4	Sejarah Kerjasama Politik PAS dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU)	57
5.5	Sejarah Kerjasama Politik PAS dalam Barisan Alternatif (BA)	60
5.6	Sejarah Kerjasama Politik PAS dalam Pakatan Rakyat (PR)	63
<b>6</b>	<b>PENGARUH PEMBENTUKAN DAN PEMBUBARAN KERJASAMA POLITIK PAS</b>	
6.1	Pengenalan	71
6.2	Pengaruh Pembentukan Kerjasama Politik PAS	71
6.2.1	PAS membentuk kerjasama politik bagi mencapai matlamat dasar partinya ( <i>Policy Seeking</i> ).	71
6.2.2	PAS membentuk kerjasama politik untuk mendapatkan kuasa dan jawatan ( <i>Office</i>	83

	<i>Seeking).</i>	
6.2.2.1	PAS bermatlamat untuk Menumbangkan Kerajaan Pemerintah BN	84
6.2.2.2	PAS Memanfaatkan Perpecahan dalaman parti (UMNO)	86
6.2.3	PAS membentuk kerjasama politik untuk mendapatkan undi dan kemenangan dalam pilihan raya ( <i>Voting Seeking</i> )	91
6.2.4	PAS membentuk kerjasama politik berdasarkan pengaruh perubahan masyarakat massa (Sosiologi)	95
6.2.5	PAS membentuk kerjasama politik berdasarkan kepada pengaruh kepimpinan parti	98
6.2.6	PAS Membentuk Kerjasama Politik Berdasarkan Titik Persamaan Dari Segi Matlamat Yang Sama Dengan Parti Politik Lain.	106
6.3	Pengaruh Pembubaran Kerjasama Politik PAS	110
6.3.1	Pembubaran Kerjasama Politik PAS Disebabkan oleh Konflik Berkaitan Dasar Partinya (Policy Seeking)	110
6.3.2	Pembubaran Kerjasama Politik PAS Disebabkan oleh konflik perebutan kuasa dan jawatan (Office Seeking)	124
6.3.3	Pembubaran Kerjasama Politik PAS Disebabkan oleh Konflik Pembahagian Kerusi Dalam Pilihan Raya (Voting Seeking)	122
6.4	Rumusan	124
7	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI &amp; CADANGAN</b>	126
7.1	Pengenalan	126
7.2	Ringkasan	127
7.3	Kesimpulan	127
7.4	Implikasi dan Sumbangan	130
7.5	Cadangan bagi Kajian Lanjutan	130
	<b>RUJUKAN</b>	131
	<b>LAMPIRAN</b>	149
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	179
	<b>PENERBITAN</b>	180

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Kerjasama Politik PAS dengan Parti-Parti Politik Lain dalam Pilihan Raya 1974-2013	3
2 Profil Informan	33
3 Senarai Maklumat Temu Bual (Nama,Tarikh, Masa dan Tempat)	34
4 Skala Persetujuan <i>Cohen Kappa</i>	40
5 Pembentukan dan Pembubaran Kerjasama Politik PAS dengan Parti-Parti Politik Lain	68
6 Dasar Perlembagaan PAS	81

## **SENARAI RAJAH**

### **Rajah**

- | 1 | Teori Tingkahlaku Parti Politik ( <i>Range of Feasible Party Behaviors</i> ) | 19 |
|---|--|----|
| 2 | Proses Kerjasama Politik PAS   | 48 |

### **Muka Surat**



## **SENARAI SINGKATAN**

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADIL	Pergerakan Keadilan Sosial
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jamaah Islamiyyah Malaysia
BN	Barisan Nasional
CCC	Chinese Consultative Council
DAP	Democratic Action Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
EXCO	Executive Council
GERAK	Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
GR	Gagasan Rakyat
GRM	Gerakan Rakyat Malaysia
HAK	Harakah Keadilan Rakyat
HAMIM	(Parti) Hizbul Muslimin Malaysia
IKATAN	(Parti) Ikatan Masyarakat Islam Malaysia
IPF	Indian Progressive Front
ISMA	Ikatan Siswazah Muslim Malaysia
JIM	Jamaah Islah Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KeADILan	Parti Keadilan Nasional
MB	Menteri Besar

MCA	Malayan/Malaysian Chinese Association
MIC	Malayan/Malaysian Indian Congress
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PR	Pakatan Rakyat
YDPA	Yang Di-Pertuan Agong
UMNO	United Malays National Organisation



## SENARAI ISTILAH

<b>Bil</b>	<b>Bahasa Arab</b>		<b>Maksud</b>
1.	‘Izzah	عزة	Kehormatan / Ketinggian
2.	Beristidlal	استدلال	Membuktikan Berdasarkan Dalil Al Quran dan Al-Sunnah
3.	Fiqh At-Taat	فقه الطاعة	Kepatuhan
4.	Fiqh Aulawiyat	فقه الأوليات	Fiqh Keutamaan
5.	Ijma’	اجماع	Kesepakatan
6.	Intima	إنتماء	Berpegang
7.	Isti’anah	استئنانة	Minta Bantuan
8.	Istiqamah	استقامة	Kekal
9.	Maqasid Syariah	مقاصد الشريعة	Tujuan / Objektif Syariah
10.	Maslahat	مصلحة	Kepentingan
11.	Muwada’ah	موادعة	Perjanjian
12.	Nas	نص	Dalil Al-Quran dan Hadis
13.	Qias	قياس	Analogi
14.	Siyasah Syari’yah	سياسة الشريعة	Politik Islam
15.	Siyasah	سياسة	Politik
16.	Syara’	شرع	Hukum Islam
17.	Taawun	تعاون	Tolong – Menolong
18.	Tahaluf	تحالف	Kerjasama
19.	Wala’	ولا	Taat
20.	Wasilah	وسيلة	Pendekatan

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini memberikan penerangan secara ringkas tentang kerjasama politik secara umumnya dan kerjasama politik PAS secara khusus. Kemudian diikuti dengan latar belakang kajian mengenai kebangkitan Islam di Malaysia yang mempengaruhi pembentukan dasar PAS sebagai aktor politik. Bab ini juga membincangkan perkara asas kepada kajian ini iaitu: pemasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi istilah, organisasi kajian, dan rumusan bab. Bab ini dijangka dapat memberikan gambaran tentang konsep dan latar belakang berkaitan kajian ini.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kerjasama politik melibatkan aktiviti oleh individu dan kumpulan dalam satu pakatan, melibatkan perkongsian dan penggunaan sumber dan kuasa untuk tujuan mencapai sesuatu matlamat (Barbara Hinckley, 1981). Menurut Hansen (2007), kerjasama politik merupakan nyawa bagi parti politik yang berada di dalam sistem pelbagai parti yang mempunyai beberapa tujuan seperti berikut; persaingan dalam pilihan raya, memperolehi kuasa, melaksanakan dasar parti dan program tertentu dan menjatuhkan individu, kumpulan atau parti politik yang berkuasa dan menghalang pelaksanaan undang-undang dan perkara yang tidak sepatutnya dilakukan.

Noel (2013) menyatakan parti politik melakukan kerjasama politik dengan parti lain adalah untuk mencapai matlamat dasar partinya manakala Katz dan Mair (2009) pula menyatakan parti politik bersedia untuk melakukan kerjasama politik dengan mana-mana parti adalah untuk mengekalkan kuasa atau mendapatkan kuasa serta menjaga kepentingan partinya. Warwick (1994), menyatakan sesbuah kerjasama politik tidak akan dapat bertahan sekiranya mempunyai perbezaan dasar parti yang ketara dan keuntungan kerjasama merupakan pembolehubah yang paling penting kerana sebagai pemangkin utama kepada parti-parti politik untuk menyertai dan membentuk kerjasama politik.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat lima tujuan utama sesuatu kerjasama politik itu dijalankan di barat iaitu; mencapai matlamat dasar, program dan menjaga kepentingan parti, untuk mendapatkan kuasa, keuntungan, pengagihan dan persaingan dalam pilihan raya serta menjatuhkan parti politik yang berkuasa dan menghalang pelaksanaan undang-undang yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kerajaan pemerintah.

Dalam konteks di Malaysia, kerjasama politik berlaku sejak Pilihan Raya Umum (PRU) yang pertama lagi antara parti-parti politik di bawah Perikatan pada tahun 1950. Antara sebab utama mengapa kumpulan-kumpulan etnik di Tanah Melayu bersetuju

untuk bekerjasama di bawah Perikatan adalah kerana pihak British tidak akan memberi kemerdekaan jika orang Melayu tidak dapat bekerjasama dengan etnik lain. Menyedari hakikat ini, maka pemimpin-pemimpin Melayu, Cina dan India mengambil keputusan untuk bersatu demi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Sebab lain pula ialah wujudnya ancaman komunis dan parti-parti ini bekerjasama dalam usaha menghadapinya. Walaupun parti-parti ini ditubuhkan berdasarkan kaum, namun sejarah menunjukkan mereka berupaya membentuk kerjasama politik yang efisyen. Pembentukan kerjasama politik di negara berbilang parti seperti di Malaysia terpaksa diwujudkan kerana ia merupakan satu alternatif demi kestabilan politik kerana berlakunya pengagihan sumber politik dan ekonomi kepada kelompok yang berbeza (Lijphart, 1968). Parti-parti yang tertubuh memperjuangkan dasar parti masing-masing contohnya, PAS memperjuangkan Islam dan ingin mendirikan negara Islam, dan Parti Buruh dan Partai Sosialis Rakyat Malaysia memperjuangkan dasar sosialis yang mana keadaan ini telah memberi kesan kepada sistem dan percaturan politik negara.

Kerjasama politik antara parti di dalam Perikatan/BN merupakan satu kejayaan kerana kerjasama tersebut telah berjalan melebihi 51 tahun (Rahman Embong, 2002). Kejayaan ini disebabkan oleh asas penubuhannya yang selari dengan dasar kontrak sosial dan perlembagaan Malaysia. Manakala kerjasama politik yang melibatkan parti pembangkang pula pada tahun 1969 hanya bertujuan untuk pilihan raya sahaja namun sudah lebih tersusun bermula tahun 1990 sehingga membawa kepada pembentukan kerajaan di beberapa buah negeri tertentu misalnya Kelantan, Pulau Pinang, dan Selangor.

Kajian ini menjadikan PAS sebagai subjek kajian untuk mengkaji konsep *Tahaluf Siyasi PAS* dan pengaruh tindakan kerjasama politik PAS di Malaysia. Terdapat dua sebab utama mengapa PAS dipilih sebagai fokus penyelidikan. Pertama, PAS merupakan sebuah parti politik yang telah menjalinkan kerjasama politik sebanyak lima (5) kali dengan pelbagai latar belakang parti sama ada dalam kalangan pihak kerajaan mahupun pembangkang seperti Barisan Nasional (BN), Harakah Keadilan Rakyat (HAK), Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR).

Kerjasama politik PAS bermula dengan Parti Perikatan yang kemudiannya ditukar nama ke Barisan Nasional (BN). Pada 1 Januari 1973, wujudnya Kerajaan Campuran dengan rasmi iaitu kerjasama antara PAS dengan BN yang dianggotai oleh beberapa buah parti politik lain, iaitu *United Malays National Organisation (UMNO)*, *Malayan/Malaysian Indian Congress (MIC)* dan *Malayan/Malaysian Chinese Association (MCA)*, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), SUPP, PPB, Perikatan Sabah. Namun begitu, PAS telah disingkirkan daripada kerjasama politik tersebut pada 13 Disember 1977.

Selepas tersingkir daripada menjalin kerjasama dengan BN, PAS telah memilih untuk bekerjasama dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada tahun 1986 dan menamakan gabungan itu sebagai Harakah Keadilan Rakyat (HAK). Pada pilihan raya seterusnya, pada tahun 1990 dan 1995, PAS telah bekerjasama dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) bersama beberapa parti seperti Parti Melayu Semangat 46 (S46),

Barisan Jemaah Islamiah Semalaysia (BERJASA), Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dan Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA). Kesemua parti ini terdiri daripada ahli-ahli yang beragama Islam. Kerjasama politik ini berakhir pada tahun 1996 disebabkan parti S46 telah dibubarkan kerana parti ini menyertai UMNO kembali.

Kemudiannya, bagi Pilihan Raya Umum (PRU) 1999 dan 2004 pula, PAS memilih untuk bekerjasama dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang dinamakan sebagai Barisan Alternatif (BA). Namun pada 21 September 2001, DAP mengumumkan pengundurannya daripada BA. Pada pilihan raya umum tahun 2008 dan 2013, PAS meneruskan semula kerjasama politik dengan parti yang sama, iaitu DAP dan PKR yang dinamakan sebagai Pakatan Rakyat (PR)<sup>1</sup> dan berakhir pada tahun 2015.

PAS merupakan salah sebuah parti politik pembangkang yang mempunyai pengalaman yang pelbagai dalam kerjasama politik dan juga merupakan sebuah parti yang menyertai pilihan raya sejak tahun 1955 lagi dan masih bertahan sehingga kini. Pilihan raya merupakan instrumen utama yang menandakan sebuah negara itu mengamalkan sistem demokrasi bagi memilih wakil rakyat dan secara tidak langsung memilih parti yang akan membentuk kerajaan. Berikut dilampirkan jadual berkaitan sejarah kerjasama politik PAS dan penyertaannya dalam pilihan raya.

**Jadual 1: Kerjasama Politik PAS dengan Parti-Parti Politik Lain dalam Pilihan Raya 1974-2013**

Bersendirian / Kerjasama Dengan Parti Lain	Tahun pilihanraya
<b>1 PAS Bersendirian</b>	1959, 1964, 1969, 1978, 1982
<b>2 Perikatan / Barisan Nasional (BN)</b> PAS, UMNO, MCA, MIC, Gerakan, SUPP, PPB, PPP, USNO, SCA Perikatan Sabah.	1974
<b>3 Harakah Keadilan Rakyat (HAK)</b> PAS, PRM, NASMA, SDP, PKM	1986
<b>4 Angkatan Perpaduan Ummah (APU)</b> PAS S46, BERJASA, HAMIM	1990, 1995
<b>5 Barisan Alternatif (BA)</b> PAS, PKR, DAP	1999, 2004
<b>6 Pakatan Rakyat (PR)</b> PAS, PKR, DAP	2008, 2013

Sumber: Disusun oleh Penyelidik (2019)

Kedua, kajian ini menjadikan PAS sebagai subjek kajian kerana dasar perjuangan dan pengalamannya politiknya yang pelbagai. PAS yang telah ditubuhkan pada 24 November

<sup>1</sup>Pada tahun 2015, berlaku konflik di mana DAP tidak lagi mahu bekerjasama dengan PAS dalam PR, begitu juga sebaliknya disebabkan konflik berkaitan sistem pelaksanaan undang-undang Islam, hudud di Kelantan.

1951 oleh sebahagian daripada golongan ulama yang mengambil tindakan untuk keluar daripada UMNO kerana tidak bersetuju dengan pemikiran serta falsafah yang terdapat dalam pimpinan UMNO<sup>2</sup> dengan berlakunya isu konflik yang melibatkan ketidaksetujuan antara biro agama dengan pemimpin lain dalam UMNO mengenai isu membuka keahlian kepada bukan melayu, masalah undang-undang kerakyatan kemudian isu judi, *fun fair*, kabaret dan sebagainya (Fadli Ghani, 2016). Kesedaran berorganisasi telah wujud dalam kalangan ulama sejak awal tahun 1949 dalam bahagian agama UMNO yang merupakan satu-satunya pertubuhan politik agama yang dibenarkan bergerak ketika itu. Mereka telah memperkenalkan dasar parti berlandaskan Islam sebagai alternatif kepada parti UMNO<sup>3</sup> yang dianggap sekular, berdasarkan etnik dan bersifat nasionalis.

PAS mendakwa perjuangan berasaskan kaum dianggap sempit di mana perkiraan ketuanan Islam perlu diberi keutamaan berbanding pertuanan Melayu<sup>4</sup> (Yusof Rawa, 1989). PAS disifatkan sebagai sebuah parti yang menawarkan politik bukan berdasarkan etnik dan mereka mempersoalkan kebolehan UMNO mentadbir negara kerana dilihat cuba memisahkan politik dan agama yang dinyatakan sebagai ‘asabiyah’. Penubuhan PAS mempunyai tiga matlamat utama pada peringkat awal penubuhannya iaitu untuk membebaskan bangsa Melayu dan Tanah Melayu daripada penjajahan, membentuk negara Islam yang bersifat sejagat, dan menjadikan Tanah Melayu sebagai negara Islam (Nor Abdullah, 1976). Walaupun ketika ini PAS tanpa kuasa, namun PAS dilihat sebagai entiti yang berprinsip kerana walaupun tanpa kuasa PAS tetap menyucikan dirinya untuk memperjuangkan kemerdekaan dengan perbezaan dimensi perjuangan.

Pemimpin PAS mendakwa PAS sebuah parti politik yang mempunyai nilai-nilai Islam sebenar berbanding parti politik Melayu-Islam yang lain. PAS menyatakan bahawa walaupun UMNO terdiri daripada kaum Melayu Islam namun dasar yang dibawanya bersifat nasionalisme dan ianya berbeza dengan PAS yang menerapkan nilai Islam dalam partinya. Menurut Mohd Asri (1976), masyarakat perlu dipupuk dengan kekuatan iman, akidah dan bukan hanya menghayati nilai nasionalisme sahaja;

*“Kubu nasionalisma saja tidak cukup lagi. Kekuatan orang Melayu khasnya mesti disandarkan kepada kekuatan iman dan aqidah islamiyah. Jika kita semata-mata bergantung kepada nasionalisma ia dengan mudah akan lebur dengan kedatangan ribut yang kecil. Nasionalisma pada hakikatnya bukan satu ideologi, jauh sekali sebagai satu aqidah. Ia juga bukan syariat, bukan way of life. Nasionalisma*

---

<sup>2</sup> Antara beberapa isu yang timbul ialah kedudukan agama Islam yang tidak terjamin dalam UMNO, kegagalan menangani isu Natrah, penganjuran *fun fair*, loteri, dan kaberet (Nasaruddin Mat Isa, 2001).

<sup>3</sup> “PAS yang ditubuhkan tahun 1951 adalah reaksi dari penubuhan UMNO yang tidak bersedia menjadi sebuah wadah Islam (Abdul Hadi, 2004).

<sup>4</sup> “Oleh kerana itu kita perlu menunjukkan kepada bangsa kita dan rakyat negara ini suatu gagasan perpaduan yang luas yang dibina atas dasar-dasar Islam yang tidak terikat dengan kaum dan golongan, apa lagi daerah. Kita mesti mampu menterjemahkan teori perpaduan Islam kepada kenyataan dan amalan. Sebab itu kita mengajak golongan Islam dan kelompok umat Islam untuk membina perpaduan ini, untuk mewujudkan persefahaman ini.”(Yusof Rawa,1989)

*adalah merupakan perasaan yang lazim dimiliki oleh manusia bangsa dan kaum jua. Seorang nasiolis bisa menjadi komunis, sosialis, liberalis atau muslim. Sebab itu nasionalisma tidak mampu dijadikan ideologi”* (Mohd Asri, 1976).

Begini juga dengan Yusof Rawa (1984), yang menyatakan nasionalisme adalah dari barat dan bertentangan dengan agama Islam. Beliau menyifatkan nasionalisme adalah warisan pemikiran penjajah barat. Beliau menegaskan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang bersifat perkauman dan sekular dan menjadikan hukum-hukum yang memandu negara hanya untuk kepentingan nasionalnya sahaja. Beliau menegaskan perjuangan PAS adalah berorientasikan agama Islam manakala UMNO berlandaskan semangat nasionalisme. Bagi beliau sekularisme merupakan satu fahaman yang dianggap memisahkan agama di dalam kehidupan termasuk hal-hal pentadbiran dan pemerintahan negara.

Fadzil Noor (1997) menjelaskan nasionalisme dan sekularisme adalah bercanggah dengan agama Islam kerana ianya menafikan hukum-hakam Islam yang telah digariskan dalam urusan dunia seperti politik, ekonomi, undang-undang jenayah, dan lain-lain. Menurut beliau, BN tidak melaksanakan pengaharaman judi, arak dan riba manakala hukum qisas serta hudud tidak dilaksanakan yang membuktikan bahawa BN berfikiran sekularisme;

*“Pendukung PAS mesti mendedahkan kepada masyarakat segala kedujanaan sistem sekular iaitu produk pelbagai ideologi manusia yang telah runtuh satu demi satu. Dengan itu, perjuangan yang dibawa oleh PAS ialah untuk menyelamatkan mereka, bukan menyusahkan mereka, bukan menjadikan mereka miskin dan ketinggalan, bukan menolak mata benda, tetapi menggunakan sebaik mungkin”* (Fadzil Noor, 1997).

Begini juga dengan Abdul Hadi (2006), yang juga menolak fahaman nasionalisme dengan mendakwa ia tidak berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Menurut beliau perjuangan PAS adalah bertunjangkan risalah Islam yang universal dengan tidak mengenal perbezaan kaum, bahasa, budaya, bangsa, dan keturunan. Baginya dasar Islam yang diperjuangkan mejangkaui kaum dan lebih menyeluruh berbanding dasar parti lain. PAS juga sering mendakwa bahawa partinya berlandaskan Islam dan berbeza dengan parti lain yang terdapat di Malaysia.

Kewujudan PAS sebagai sebuah parti Islam telah memberikan tekanan terhadap proses pengislaman dan menyumbang kepada kebangkitan Islam di Malaysia (Husin Mutalib, 1994). Menurut Chandra Muzaffar (1985), kebangkitan Islam, ataupun *resurgence* yang merupakan tindakan bangkit kembali yang mempunyai ciri-ciri seperti Islam adalah sesuatu yang penting, unsur unsur kebangkitan Islam mempunyai pertalian dengan masa lalu, dan kebangkitan Islam dilihat sebagai suatu ancaman bagi pihak yang mempunyai fahaman yang berbeza. PAS menuntut kepada penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia dengan penyertaanya dalam pilihan raya dan juga kerjasama politik dengan parti-parti lain. PAS juga bercita-cita untuk mengubah Malaysia menjadi negara Islam mengikut definisinya yang tersendiri.

PAS menaruh harapan tinggi terhadap cadangan penubuhan sebuah negara Islam dan undang-undang Islam seperti yang termaktub dalam perlumbagaan partinya. PAS juga bercita-cita untuk memperjuangkan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup dan hukum-hukum berlandaskan Islam dalam perjalanan politiknya. Isu penubuhan negara Islam sentiasa menjadi perbincangan utama dalam partinya. Hussin Mutalib (1990), menyatakan bahawa parti politik Melayu yang besar seperti PAS telah menggunakan Melayu dan Islam sebagai platform untuk mendapat sokongan dari rakyat.

Pada awal 1970an, gerakan Islam di peringkat politik tempatan dan antarabangsa sudah mula mempunyai pengaruh yang kuat dengan mempunyai peningkatan aktiviti politik berlandaskan Islam seperti politik dan kehidupan manusia yang mempunyai ciri-ciri intelek bersifat global. Kebangkitan Islam juga dilihat sebagai kebangkitan semula minat umat Islam hasil dari kaum muda yang pulang dari Timur Tengah telah membawa semangat reformis Islam yang menyambung perjuangan Ikhwanul Muslimin untuk menentang penjajah barat bermula dengan penubuhan Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol, Perak. Kebangkitan Islam di Tanah Melayu dikatakan golongan berhaluan kiri atau golongan radikal oleh penjajah British.

Kemunculan PAS dikatakan tercetus daripada beberapa gerakan Islam yang lebih awal seperti Ikhwan al-Muslimin di Mesir, Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi) di Indonesia, Jama‘at Islami di Pakistan dan Al Hukumah Islamiyyah di Iran. Pengaruh sistem pemerintahan Islam dari negara luar juga dikatakan menyerap masuk ke Tanah Melayu melalui para ulama yang belajar di Mesir, Mekah, India dan Indonesia iaitu selepas kepulangan pelajar-pelajar berbangsa Melayu yang berpendidikan agama yang belajar di Asia Tengah. Mereka membawa idea dan semangat juang yang tinggi hasil dari menuntut ilmu dalam bidang agama di Timur Tengah. Di Mesir, Ikhwan Muslimin menentang penjajah dengan gerakan Pan-Islamisme dan reformis Islam dan nusantara Tanah Melayu turut menerima pengaruhnya.

Di dalam konteks kebangkitan Islam di Malaysia, fenomena ini dapat dikesan melalui pertubuhan seperti PERKIM, Arqam, Tabligh, ABIM, dan beberapa pertubuhan pelajar lain yang merupakan satu gerakan Islam bertujuan untuk meneruskan perjuangan Islam dan mengambil pendirian sederhana di dalam memperjuangkan Islam di Malaysia. Namun pertubuhan ini merupakan gerakan dakwah dan hanya PAS yang merupakan gerakan Islam yang menyertai politik. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) diwujudkan pada tahun 1971 untuk memperjuangkan Islam dan merupakan satu gerakan Islam yang ditubuhkan untuk meneruskan perjuangan belia Islam.

Namun ABIM telah mengalami perubahan besar apabila presidennya, Anwar Ibrahim (1974-1982) bertindak menyertai UMNO pada 29 Mac 1982 menyebabkan hubungan ABIM dengan gerakan Islam yang lain contohnya PAS terjejas. Hal ini juga membuatkan berlakunya lagi persaingan antara PAS dan UMNO berkaitan agama Islam yang mana masing-masing cuba menonjolkan imej keislaman dengan menyatakan mereka lebih islamik berbanding parti lawan (Che Hamdan, 2015). Oleh itu, bagi meningkatkan pengaruh PAS, parti ini telah berkerjasama dengan parti politik lain. PAS melihat bahawa di dalam konteks Malaysia yang mempunyai rakyat yang

pelbagai kaum dan agama memerlukan kerjasama daripada pelbagai parti politik yang ada, telah menyebabkan PAS bekerjasama dengan parti-parti politik lain dari pelbagai latar belakang.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, penubuhan parti-parti politik merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan sebagai perantaraan bagi pihak pemerintah dengan rakyat. Menurut Muller dan Strom (2000) kerjasama politik berlaku kerana tiada satu parti pun mampu mendapatkan majoriti kerusi bagi membentuk kerajaan pemerintah secara bersendirian. Lijphart (1977) pula menyatakan bahawa parti politik merupakan sebuah organisasi tetap yang bermatlamat untuk menguasai kuasa dan kabinet secara berterusan yang mana kuasa boleh diperolehi melalui kerjasama politik, dan perlu dikongsi dengan parti-parti lain bagi merealisasikan kestabilan politik.

Luebbert (1986), menyatakan setiap jenis sistem politik akan mempengaruhi pembentukan kerajaan melalui kerjasama politik antara parti. Luebbert (1986) dan Strom (1990), mengjangkakan jika terdapat parti yang dominan maka, parti ini akan mencari parti yang kecil hanya sekadar untuk mendapat majoriti (*Minimal Size Coalition 50%+1*), manakala pembentukan kerjasama politik dari pelbagai parti akan wujud sekiranya tiada parti yang dominan. Volden and Carrubba (2004), dalam kajiannya telah mengkaji pembentukan kerjasama politik dengan melibatkan data daripada 24 negara dari tahun 1955 sehingga 1998 menunjukkan bahawa kerjasama politik yang melibatkan parti daripada kerajaan mengamalkan bentuk kerjasama berdasarkan kemenangan yang minima namun agak sukar untuk melakukan tawar-menawar dalam rundingan Luebbert (1986) menyatakan bahawa pembentukan kerajaan minoriti, iaitu mekanisme pembentukan-konsensus dan keupayaan pembangkang untuk mempengaruhi politik juga sangat penting. Strom (1990), berhujah bahawa kerajaan minoriti tidak menjadi pilihan tetapi secara rasionalnya ia boleh membentuk sebuah kerajaan.

Senario yang dibincangkan di atas berlaku di luar negara, manakala senario yang berlaku di Malaysia pula mungkin mempunyai persamaan atau pun perbezaan. Kajian kerjasama politik yang melibatkan parti-parti politik di Malaysia lebih tertumpu kepada kerjasama politik yang melibatkan kerajaan pemerintah berbanding kerjasama politik yang melibatkan parti pembangkang. Malaysia juga tidak terkecuali daripada menjalankan kerjasama politik dan menjadi kerajaan pemerintah mahupun kerajaan pembangkang.

Lijphart (1972), telah merangka kajiannya dengan mengambil kira beberapa buah negara Eropah barat seperti Belanda, Austria, Belgium dan juga telah meluaskan bidang penyelidikannya di negara-negara dunia ketiga seperti Malaysia dan Lebanon. Lijphart menyatakan Malaysia merupakan satu contoh demokrasi permuaafakan yang berjaya, namun setelah tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969, Malaysia tidak lagi dianggap mengamalkan demokrasi sepenuhnya kerana orang Melayu memegang terlalu banyak kuasa dan menyebabkan tiada keseimbangan antara kaum.

Menurut Mauzy, Diane (1983), amalan kerjasama politik yang diamalkan oleh Perikatan/BN dapat mengekalkan kestabilan dan pembangunan politik dengan mengabungkan parti yang terdiri daripada pelbagai kaum. Begitu juga kajian yang dibuat oleh Means (1976), Case William (1996), dan Crouch Harold (1996), yang berpendapat bahawa pembahagian kuasa seperti kerjasama politik pelbagai parti yang dibuat oleh Barisan Nasional (BN) merupakan pilihan terbaik untuk diamalkan oleh sebuah negara yang majmuk seperti Malaysia. Manakala Ho Khai Leong (1988), menyatakan kerjasama politik Perikatan/BN tidak menepati model Lijphart sepenuhnya, dan hanya mirip sahaja kerana kerjasamanya dikatakan berat sebelah dan tegang. Zakiah Awang (1983), menyatakan terdapat empat faktor kejayaan kerjasama politik BN iaitu; pertama latar belakang pemimpin, kedua parti UMNO yang merupakan parti dominan dan majoriti dalam BN, ketiga pengaruh pengundi dari etnik Melayu dan keempat BN berjaya mengimbangkan isu ekonomi dan sosial dalam masyarakat.

Manakala kajian mengenai kerjasama politik PAS pula, dibuat oleh Mohamad Abu Bakar (1981), mendapati bahawa PAS yang membawa dasar politik Islam memberi banyak keuntungan pada parti tersebut dalam menarik undi masyarakat Melayu Islam berbanding parti lain. Kajian yang dibuat oleh Choong Tek Choy, (2007) telah menfokuskan kepada kerjasama politik DAP dengan PAS dan PKR dalam BA. Dapatkan kajian beliau menunjukkan faktor yang menyebabkan DAP menjalankan kerjasama politik BA adalah untuk membina sebuah pakatan politik pembangkang yang kuat. Beliau juga menyatakan bahawa kerjasama politik DAP adalah berbentuk *policy seeking* di mana dasar mempengaruhi tindakan DAP dalam mengadakan kerjasama dan pembubarannya. Kamarul Zaman Yusoff (2013), dalam kajianya menunjukkan PAS di bawah kepimpinan ulama terpaksa mengimbangi *idealismenya* dengan realiti tatanegara Malaysia, yang menyebabkan jalinan kerjasama politiknya tidak dilaksanakan dengan telus, demokratik dan Islamik.

Kajian Mohd Sabri, (2016) adalah mengenai persaingan politik Melayu dan dapanan kajian beliau menunjukkan perpecahan yang melibatkan orang Melayu ialah disebabkan persengketaan antara parti politik yang berpanjangan. Beliau juga menyatakan bahawa tindakan parti politik Melayu mengadakan kerjasama politik dengan parti lain adalah untuk memperjuangkan Melayu, menegakkan agama, dan membela bangsa dan negara. Selepas kerjasama politik PAS dengan UMNO terbubar, PAS mendakwa sesiapa yang menyertai UMNO adalah bertentangan dengan akidah Islam dan dengan sendirinya terkeluar daripada agama Islam. Mohd Izani (2016), telah membuat kajian mengenai kerjasama politik PAS dari tahun 1999-2015 iaitu kerjasama PAS dalam BA dan PR. Dalam dapanan kajian beliau mendapati terdapat empat faktor yang menyumbang kepada kerjasama politik PAS iaitu; PAS telah mengiktiraf realiti masyarakat Malaysia yang terdiri berbilang kaum, untuk memenangi pilihan raya, ingin mewujudkan pakatan pembangkang yang boleh menjadi pilihan alternatif kepada rakyat untuk tujuan dakwah.

Namun skop kajian ini adalah terhad kepada atau dua kerjasama politik PAS sahaja dan perbincangan kerjasama politik hanya secara umum. Penyelidik juga mendapati masih ada kelompongan daripada kajian terdahulu yang menunjukkan masih ada suatu sudut yang boleh dikaji tentang kerjasama politik PAS terutamanya melibatkan lebih

daripada satu peristiwa kerjasama agar perbandingan yang lebih menyeluruh dapat dibuat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana PAS sebagai sebuah parti politik di Malaysia, bertingkahlaku terhadap lima kerjasama politik yang pernah disertainya. Kajian ini telah menjadikan PAS sebagai subjek kajian kerana latar belakang kerjasama politik PAS yang pernah bekerjasama dengan pelbagai parti sama ada dari pihak kerajaan maupun pembangkang. Selain itu, PAS telah memperkenalkan konsep *Tahaluf Siyasi* untuk menjadi panduan kepada partinya dalam melakukan kerjasama politik.

PAS mendakwa bahawa partinya membawa agenda Islam telah menyatakan dalam perlumbaan partinya Fasal 6 (6) “Akan menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS, selagi mana sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara” (Perlumbaan PAS, 2011). Kenyataan dan ucapan pemimpin-pemimpin utama PAS telah menegaskan bahawa PAS akan bekerjasama dengan parti yang hanya dapat menerima perjuangannya terutamanya memperjuangkan Islam dalam setiap perkara. PAS sangat komited terhadap dasar partinya dan hanya akan bekerjasama dengan parti yang sealiran maupun yang dapat menerima dasar partinya. Ada ketika PAS menyatakan tidak boleh bekerjasama dengan bukan Islam, dan ada ketikanya pula PAS menjalankan kerjasama dengan parti yang terdiri daripada bukan Islam sebagai contoh parti DAP<sup>5</sup>.

Bagaimana kerjasama politik PAS dengan parti-parti lain yang berbeza prinsip dan dasar seperti DAP boleh berlaku? Adakah pendirian PAS berubah-ubah? Apakah yang menyebabkan PAS boleh membuat tindakan untuk bekerjasama dengan parti-parti lain? Apakah pengaruh yang mendorong PAS berbuat demikian? Adakah keputusan yang dibuat seiring atau bertentangan dengan dasar PAS? Bagaimanakah bentuk kerjasama politik PAS? Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji dan menjawab persoalan seperti bagaimana PAS bekerjasama dengan parti lain, apakah yang mempengaruhi tindakannya, bagaimanakah rundingan, tawar-menawar, perjanjian, dan perkara-perkara lain yang melibatkan proses kerjasama berlaku? Kajian ini juga meneroka proses, pengaruh terhadap kerjasama politik dan pembubarannya dengan melibatkan kelima-lima kerjasama politik yang pernah disertai oleh PAS dengan parti-parti lain bermula dari tahun 1974 sehingga tahun 2013 bersama BN, dan kemudiannya bersama APU, HAK, BA, dan PR. Bertitik tolak daripada permasalahan yang dibincangkan di atas, penyelidik menyimpulkan bahawa satu kajian komprehensif perlu dilakukan.

---

<sup>5</sup> DAP diasaskan pada Oktober 1965 dan didaftarkan pada 18 Mac 1966 sebagai sebuah parti demokratik sosial yang berjanji akan berpegang kuat kepada prinsip satu negara Malaysia yang bebas, demokratik dan berfahaman sosialis, berdasarkan prinsip-prinsip keadilan kaum dan kesaksamaan sosial dan ekonomi yang berdasarkan institut demokrasi berparlimen.

## **1.4 Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini membincangkan perkara yang melibatkan proses, strategi, dan perancangan parti dalam membuat keputusan dan tindakan terhadap kerjasama politik dan memahami fenomena yang melibatkan rundingan, tawar-menawar dan melihat kepada permasalahan yang berlaku semasa kerjasama dengan parti politik lain. Kajian ini bertujuan memahami fenomena yang berkait dengan proses dan pengaruh kerjasama politik dan pembubarannya.

Oleh itu, mengikut perbahasan dan hujah permasalahan di atas, terdapat empat persoalan yang diselidiki dalam tesis ini:

- i. Apakah elemen yang terdapat dalam *Tahaluf Siyasi PAS*?
- ii. Apakah sejarah kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik yang lain?
- iii. Apakah pengaruh pembentukan kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik lain?
- iv. Apakah pengaruh pembubarannya kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik lain?

## **1.5 Objektif Kajian**

